

KHUTBAH JUMAAT

“INTEGRITI TERAS KEMAKMURAN SARAWAK”

(14 Ogos 2026M/ 1 Rabiulawal 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Berikanlah tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari segala bentuk perbuatan yang sia-sia, berbual-bual dan berinteraksi dengan menggunakan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih keberkatan dan kesempurnaan pahala solat Jumaat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk "***Integriti Teras Kemakmuran Sarawak***".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada **12 Ogos 2026**, Sarawak telah menyambut **Hari Integriti Sarawak 2026** dengan tema "***Integriti Teras Kemakmuran Sarawak***". Sambutan ini bukan sekadar satu acara tahunan, bahkan

merupakan satu seruan kepada seluruh rakyat agar menjadikan integriti sebagai budaya hidup dan asas kepada pembangunan negeri.

Hakikatnya, Islam telah lama mengajar konsep integriti. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾ (٥٨)

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah (dengan suruhan-Nya itu) memberikan sebaik-baik pengajaran kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

Ayat tadi menjelaskan bahawa amanah dan keadilan merupakan asas kepada kehidupan seorang muslim. Daripada nilai inilah lahirnya integriti, iaitu keutuhan akhlak, kejujuran, ketelusan dan tanggungjawab dalam setiap tindakan.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga dikenali sebagai **Al-Amin**, iaitu insan yang paling dipercayai. Kejujuran Baginda *sallallahu alaihi wasallam* menjadi sebab masyarakat meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap kepimpinan baginda *sallallahu alaihi wasallam* sebelum diangkat menjadi Rasul lagi. Daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu*, beliau berkata:

مَا خَاطَبَنَا نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا قَالَ : ((لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةٌ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ))

Maksudnya: Setiap kali Nabi Allah sallallahu alaihi wasallam berkhotbah, Baginda pasti akan bersabda: ((Tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tidak mempunyai sifat amanah, dan tidak sempurna agama bagi sesiapa yang tidak menepati janjinya.))

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

Oleh itu, seorang muslim tidak boleh memisahkan iman daripada integriti. Seseorang yang benar-benar beriman akan sentiasa menjaga amanah, berlaku jujur, menolak rasuah, tidak menyalahgunakan kuasa, tidak menipu dan tidak mengkhianati kepercayaan orang lain.

Pemimpin yang amanah merupakan tunjang kepada integriti yang unggul. Sama ada pemimpin negara, pemimpin organisasi, ketua jabatan, guru, ibu bapa mahupun ketua keluarga, semuanya akan disoal berkaitan tanggungjawab mereka oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Daripada Abdullah bin Umar *radiallahu anhuma*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَلَا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْمَسْئَلَةُ عَلَى النَّاسِ عَلَى النَّاسِ رَاعِ رَعِيَّتَهُ. فَالْإِمَامُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ. وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ. وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى أَهْلِ بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ. وَعَبْدٌ

الرَّجُلِ رَاعٍ عَلَى مَالٍ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ. أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ))

Maksudnya: *Sesungguhnya, setiap daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki ialah pemimpin keluarganya dan dia bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang wanita juga pemimpin terhadap rumah suaminya dan anak-anaknya, maka dia bertanggungjawab terhadap mereka semua. Seorang hamba ialah pemimpin terhadap harta tuannya dan dia bertanggungjawab terhadap harta tersebut. Maka, setiap kamu ialah pemimpin dan akan bertanggungjawab terhadap pimpinannya.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Sesungguhnya, kepimpinan yang baik mestilah berteraskan empat nilai utama:

- **Amanah** dalam melaksanakan tanggungjawab.
- **Ikhlas** dalam setiap pengorbanan dan khidmat.
- **Bertanggungjawab** terhadap setiap keputusan.
- **Adil** tanpa mengira kedudukan, kaum atau agama.

Pemimpin yang memiliki nilai-nilai tadi akan melahirkan pentadbiran yang telus, dipercayai dan dihormati.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sarawak dikenali sebagai sebuah negeri yang rakyatnya hidup dalam suasana harmoni walaupun terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama. Keadaan ini merupakan satu nikmat yang amat besar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (١٣)

Maksudnya: *Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, kemudian Kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan pelbagai suku agar kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)! Sesungguhnya, yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.*

Ayat tadi menegaskan bahawa kepelbagaian bukan alasan untuk berpecah, tetapi ruang untuk saling menghormati dan bekerjasama. Oleh itu, budaya inklusif, saling menghormati, bekerjasama dan memelihara perpaduan adalah sebahagian daripada amalan integriti yang dituntut oleh Islam. Kemakmuran sesebuah negeri juga bukan hanya bergantung kepada kekayaan hasil bumi atau pembangunan fizikal, tetapi bergantung kepada rakyat yang berintegriti, pemimpin

yang amanah serta masyarakat yang bersatu padu. Justeru, marilah kita menolak segala bentuk fitnah, kebencian, hasutan dan perpecahan yang boleh merosakkan keharmonian masyarakat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Umat Islam hendaklah menjadikan integriti sebagai budaya hidup yang menjadi asas kepada kemakmuran tanahair.

Kedua: Orang yang beriman akan sentiasa menjaga amanah, berlaku jujur, menolak rasuah, tidak menyalahgunakan kuasa, tidak menipu dan tidak mengkhianati kepercayaan orang lain.

Ketiga: Kemakmuran sesebuah negeri bukan hanya bergantung kepada kekayaan hasil bumi atau pembangunan fizikal, malah rakyat yang berintegriti, pemimpin yang amanah serta masyarakat yang bersatu padu.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Anfal, ayat 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:. *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita menjadikan integriti sebagai budaya. Mulakan daripada diri sendiri dengan berlaku jujur, menepati janji, menjaga amanah, menjauhi rasuah, menyempurnakan tugas dengan penuh tanggungjawab serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Sempena Hari Integriti Sarawak 2026, marilah kita berazam membina sebuah masyarakat yang berakhlak mulia, pemimpin yang amanah, penjawat awam yang berintegriti serta rakyat yang bersatu demi kemajuan dan kemakmuran Sarawak yang diberkati Allah *subhanahu wata'ala*.

Seterusnya, khatib menasihatkan agar orang ramai mengurangkan aktiviti fizikal di luar bangunan, memakai pelitup muka yang sesuai terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi, dan minum air kosong secukupnya susulan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat akibat jerebu di beberapa kawasan. Pada masa yang sama,

patuhilah nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.

Teruslah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Usahakanlah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita dirahmati dan diberkati. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِيْ بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin.

Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa pada masa akan datang.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala wabak dan bala yang menganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah

bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.